

Headline	'TERAJU, GLIC perlu kerjasama lebih erat'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,942
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,827



'TERAJU, GLIC perlu kerjasama lebih erat'

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) memerlukan kerjasama lebih jitu daripada institusi pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dalam memantapkan lagi kedudukan permodalan pasaran syarikat Bumiputera.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Husni Salleh, berkata antara usaha dilaksanakan TERAJU bagi mencapai sasaran itu ialah memperkemaskan inisiatif Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJ) dengan kerjasama

Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS) di bawah Program Perkerjasama Bumiputera.

Kerjasama dengan EKUINAS itu, katanya, bukan saja akan mengukuhkan permodalan pasaran syarikat Bumiputera yang disenaraikan, malah membolehkan kemunculan lebih banyak syarikat Bumiputera berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia pada masa depan,

"Sejak TERAJU mengambil alih SJJJ daripada Kementerian Kewangan pada 2011, permodalan lapan syarikat Bumiputera yang berada di bawah inisiatif ini mencatatkan peningkatan besar iaitu daripada RM900 juta kepada RM5 bilion setakat awal tahun ini.

"Permodalan pasaran lapan syarikat itu diunjurkan terus meningkat kepada RM10 bilion pada akhir tahun ini, namun ia masih kecil jika dibandingkan

dengan nilai keseluruhan permodalan pasaran tempatan.

"Justeru, perlu ada kerjasama lebih jitu daripada institusi lain seperti Permodalan Nasional Bhd (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk kita mengukuhkan lagi SJJJ supaya lebih banyak syarikat Bumiputera mendapat manfaat daripada pasaran modal," katanya.